

23 JUN 2003

Rafidah-Pemimpin

PEMIMPIN UMNO PERLU MENANGI HATI GOLONGAN MUDA DAN HAYATI ASPIRASI RAKYAT

KUALA KANGSAR, 23 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Umno perlu benar-benar menghayati aspirasi rakyat jika mereka ingin melihat Umno terus berkuasa kerana golongan muda pada masa kini lebih bijak menilai mereka, kata Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata masyarakat pada satu ketika dahulu amat setia dengan Umno walaupun pemimpinnya mempunyai sedikit kelemahan, namun keadaan sekarang adalah berbeza samasekali.

Katanya, golongan muda ini akan cepat merasa tidak puashati apabila wakil rakyat tidak berfungsi dengan baik dan para pemimpin pula sering bercakaran sesama sendiri.

"Mereka tidak hanya akan berpuashati dengan ucapan yang berapi-api dan tidak mudah dipergunakan tanpa alasan yang kuat. Mereka mahu lihat hasil pembangunan yang dibuat kerajaan. Mereka tidak sesabar ibu bapa mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Wisma Pahlawan daerah Kuala Kangsar, di sini hari ini.

Rafidah yang juga Ahli Parlimen Kuala Kangsar berkata bagi memenuhi hasrat generasi muda itu, Umno mesti kukuh dan kuat kerana jika tidak, ia akan membuka peluang kepada pihak lain yang sentiasa bersedia mengeksploitasi apa juga kekurangan dan kesilapan Umno.

"Golongan lama di peringkat akar umbi biasanya tidak cepat menimbulkan masalah kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) jika program pembangunan dasar dilakukan, tetapi bagi golongan sekarang yang cerdik dan terpelajar, ia adalah sebaliknya, katanya.

Katanya walaupun sokongan terhadap Umno setakat ini masih kuat, namun ia tidak akan dapat bertahan lama sekiranya pelbagai langkah yang dibuat untuk memuaskan golongan pemuda, menemui kegagalan.

"Jika ini berlaku ia akan menjadi punca orang Melayu dan Umno berpecah belah. Selain itu, kita juga perlu adakan program penjelasan berterusan dari masa ke semasa," katanya.

Rafidah berkata sekarang ini semakin banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh pemimpin-pemimpin negara dan Umno termasuklah penjajahan cara baru yang telah ditimbulkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia adalah peperangan minda yang ingin menakluki masyarakat dunia. Ia juga akan menggunakan pemimpin-pemimpin tertentu untuk menyemai agenda mereka untuk memusnahkan perpaduan, sekaligus melemahkan negara," katanya.

-- BERNAMA

KAY AZH